

## 8 bangunan bersejarah KL dibukukan

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/04/406830/8-bangunan-bersejarah-kl-dibukukan>



PENASIHAT Diraja Festival Senibina Kuala Lumpur 2018 (KLAFF2018), Tengku Zata Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah (kiri) bersama Presiden Institut Arkitek Malaysia (PAM), Ar.Ezumi Harzani Ismail (dua dari kiri), Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Mohd Amin Nordin Abd Aziz (tiga dari kiri), Presiden Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), Ar.Zairul Azidin Badri (empat dari kiri) dan kolaborator untuk Buku Temu Merdeka, Pengarah KLAFF2018, Ar.Ang Chee (dua dari kanan), Dr Lai Chee Kien (kanan) pada pelancaran Buku Temu Merdeka di Biro Pelancongan Jalan Tangsi.- Foto Luqman Hakim Zubir

## 8 bangunan bersejarah KL dibukukan

Oleh Seri Nor Nadiyah Koris dan Mohd Farkhan Abdul Ghapar  
cnews@nstp.com

KUALA LUMPUR: Lapan bangunan bersejarah di sekitar ibu kota, 'dihimpunkan' di dalam buku 'Merdeka Interviews Book' bersempena Festival Arkitek Kuala Lumpur 2018 (KLAFF2018), semalam.

Penerbitan buku itu, sebagai usaha memelihara keunikan seni serta sejarah bangunan yang dibina pada, sebelum dan pasca kemerdekaan seperti Bangunan Parlimen, Stadium Merdeka, Stadium Negara dan Lapangan Terbang Subang.

Presiden Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), Ezumi Harzani Ismail, berkata buku berkenaan ibarat 'dokumen' sejarah yang penting dalam pembangunan negara.

Katanya, negara kekurangan buku dan penerbitan berhubung kajian mendalam untuk memahami sejarah serta kisah bangunan lama.

"Selama 60 tahun kita terus maju, kini kita hanya ada jumlah kecil bangunan lama yang mungkin akan lenyap jika tidak dipelihara.

"Buku ini dapat membantu kita menjalankan tanggungjawab untuk memelihara khazanah bersejarah ini," katanya dalam ucapan ketika majlis pelancaran buku berkenaan di Biro Pelancongan Kuala Lumpur, Jalan Tangsi, di sini.

Hadir menyempurnakan pelancaran buku berkenaan ialah Penaung Diraja KLAFF2018, Tengku Zatashah Sultan Sharafuddin Idris Shah bersama Datuk Bandar, Tan Sri Mohd Amin Nordin Abdul Aziz dan Presiden Lembaga Arkitek Malaysia (LAM).

Buku setebal 668 muka surat hasil penulisan pakar seni bina Dr Lai Chee Kien dan Pengarah KLAFF2018, Ang Chee Cheong, memaparkan kajian mendalam berhubung sejarah pembinaan, nilai seni serta temu ramah bersama 17 arkitek, jurutera dan pelukis pelan bangunan terbabit.

Malah, buku itu turut mengandungi kisah dedikasi buruh wanita 'Lai Sui Muis' (bahasa Kantonis) atau 'Kongsi Women' yang terbabit dalam pembinaan bangunan ikonik terbabit.

Sementara itu, Zatashah berkata, buku berkenaan bukan hanya coretan sejarah, malah ia turut memberi pengiktirafan kepada 'wira yang tidak didendang'.

"Buku ini bukan hanya mengenai sejarah pembangunan negara, tetapi ia adalah cerita jasa rakyat yang membantu membina negara ini.

"Saya amat bangga dengan kisah wanita yang terbabit dalam sektor pembangunan negara pada zaman dahulu. Kisah seperti ini yang jarang kita dengar," katanya.

Buku berkenaan boleh dibeli secara dalam talian menerusi portal buku PAM di [www.PAMonlinestore.com](http://www.PAMonlinestore.com) dengan harga RM220 (kulit tebal) dan RM150 (kulit lembut) yang dijual mulai Jumaat ini.